

05 JUL 2002

Cabutan-Kondo/I

UNIT KONDO MENANTI PEMENANG CABUTAN RAFEL "ONE NATION WE CARE"

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Unit Kondominium Casa Riana bernilai kira-kira RM90,000 merupakan satu daripada hadiah utama untuk dimenangi dalam acara amal Cabutan Rafel "One Nation We Care" yang akan diadakan di Stadium Nasional di Bukit Jalil pada 27 Julai.

Unit kondominium itu, terletak di Bandar Seri Bukit Jalil dan dilengkapi kemudahan seperti kolam renang, taman permainan, dewan orang ramai, pusat penjagaan kanak-kanak dan kawalan keselamatan 24 jam, disumbangkan oleh Talam Corporation Berhad.

Hadiah-hadiah lain yang ditawarkan ialah sebuah Nissan Sentra 1.5 dan pelbagai barangan berharga bernilai lebih RM250,000.

Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) dalam satu kenyataan hari ini menyatakan pelawat ke acara itu akan diberikan tiket rafel apabila mereka menderma minimum RM2 di pintu masuk.

LIAM merupakan satu daripada penaja acara "One Nation". Bersama-sama dengan dua lagi penaja iaitu Persatuan Insurans Am Malaysia dan Persatuan Kebangsaan Insurans Hayat dan Penasihat Kewangan Malaysia, mereka berjanji untuk menyumbang sejumlah RM100,000 kepada Yayasan AIDS Malaysia dan Majlis kanser Negara (MAKNA).

Acara amal itu bertujuan mengajak semua lapisan rakyat Malaysia untuk sama-sama menyertai sambutan bagi menghormati semangat jitu dan kejayaan negara.

Ia juga bagi memberi peluang kepada rakyat Malaysia menjalin perpaduan dan menunjukkan kepelbagaian dan keunikan negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadual hadir pada acara itu.

Hasil kutipan daripada cabutan itu juga akan disalurkan kepada Yayasan Aids Malaysia dan MAKNA.

Acara "One Nation We Care" itu yang akan bermula dari pukul 6 petang akan turut dimeriahkan dengan persembahan oleh artis tempatan, perbarisan tatu, perbarisan oleh pasukan gendang Cina dan tarian kebudayaan.

-- BERNAMA

SOP AFY RHM